

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN JANUARI 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	11.01.2022	Rasuah : Penolong Pegawai Tadbir DBKL Mengaku Bersalah	2
2.	11.01.2022	Perubahan Wang RM10J: Bekas Pengerusi MARA Inc. Dilepas Tanpa Dibebaskan	2
3.	14.01.2022	KDN Akan Lakukan Terbaik Atasi Aset Usang	3
4.	14.01.2022	1MDB : KPMG Bayar RM340.92 Juta	4
5.	14.01.2022	Sijil Vaksinasi Banyak Kelemahan	5
6.	21.01.2022	Pembantu Perawatan Kesihatan Didakwa Salah Guna Kuasa	6
7.	21.01.2022	Palsukan Dokumen : 4 Lelaki RM13.7 J Direman	7
8.	21.01.2022	Bekas Pembantu Penguatkuasa Ditahan	8
9.	27.01.2022	Broker Beli Kapal Tempur TLDM Diberkas SPRM	9

UTUSAN MALAYSIA/11 JANUARI 2022/M.S: 12

Rasuah: Penolong Pegawai Tadbir DBKL mengaku bersalah

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang penolong pegawai tadbir Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) didenda RM18,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah atas enam pertuduhan menerima suapan berjumlah RM2,700 berhubung kerja-kerja pembersihan perumahan rakyat (PPR) dan rumah sampah.

Hakim Rozina Ayob turut memerintahkan tertuduh, Mohamed Helfien Nordin, 45, dipenjar selama 15 bulan jika gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang bertugas sebagai Pengurus Perumahan Zon 2, Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti DBKL didakwa menerima suapan berjumlah RM2,700 daripada dua pemilik syarikat kontraktor pembersihan di antara 4 Februari 2014 hingga 5 Disember 2016.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan mengikut Seksyen 165 Kanun Kesejahteraan yang memperuntukan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-dua sekali.

Pada prosiding semalam, pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Fadhlil Ab. Wahab manakala tertuduh diwakili peguam bela, C. Rajsurian Pillai.



MOHAMED Helfien Nordin didenda RM18,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam selepas mengaku bersalah atas enam pertuduhan menerima suapan berjumlah RM2,700 berhubung kerja-kerja pembersihan PPR dan rumah sampah. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Pada 12 Mac 2021, Mohamed Helfien didakwa atas 120 pertuduhan membabitkan rasuah di dua Mahkamah Sesyen di sini. Pada tarikh tersebut di hadapan Rozina, tertuduh mengaku tidak bersalah atas 34 pertuduhan.

Pada prosiding semalam, tertuduh mengaku bersalah terhadap enam pertuduhan. Pihak pendakwaan kemudian memohon agar baki 28 pertuduhan diambil untuk dipertimbangkan (*taken into consideration*) sebagaimana dalam peruntukan 17(1) Kanun Prosedur Jenayah.

“Bagi kes di hadapan Hakim Azura Alwi yang membabitkan 86 pertuduhan, kes akan

disebut pada 19 Januari ini dan jumlah keseluruhan rasuah yang didakwa diterima tertuduh RM82,700.

Terdahulu, ketika mengemukakan rayuan, Rajsurian memohon mahkamah mengambil kira bahawa anak guamnya tidak mempunyai rekod jenayah lampau, mempunyai empat orang anak dan isteri yang tidak bekerja.

“Mohon mahkamah mengambil kira bahawa pernah ditahan juga pernah ditahan di lokap selama 12 hari ketika direman dan selama 14 hari selepas didakwa kerana tidak mampu menjelaskan jaminan ketika itu,” kata peguam terbitar.

Pengubahan wang RM10j: Bekas Penggerusi MARA Inc. dilepas tanpa dibebaskan

KUALA LUMPUR: Bekas Penggerusi MARA Incorporated Sdn. Bhd., Datuk Mohammad Lan Allani semalam dilepaskan tanpa dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen di sini atas dua pertuduhan pengubahan wang haram RM10 juta.

Hakim Suzana Hussin memutuskan demikian selepas membenarkan permohonan yang dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya, Allan Suman Pillai. Pada prosiding semalam, tertuduh diwakili peguam bela, Datuk K. Kuamaarendran.

Terdahulu, pendakwa raya tersebut mengemukakan permohonan itu atas alasan Mohammad Lan akan dituduh semula di Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu pada Februari atau Mac ini.

Difahamkan, tertuduh akan didakwa semula di Kota Kinabalu, Sabah ekoran kejadian tambahan lain seperti perlu melapor diri kepada pinak berkuasa sebulan sekali di negeri bawah bayu itu.

Mengikut pertuduhan, Mohammad Lan didakwa atas dua tuduhan melibatkan diri dalam aktiviti pengubahan wang haram iaitu memindahkan wang berjumlah RM10 juta yang merupakan hasil daripada aktiviti haram pada 10 Disember 2012 di CIMB Bank, Jalan Sagunting, Central Building, Kota Kinabalu, Sabah.

Pemindahan dibuat dari pada akaun Private Banking Portfolio CIMB Bank miliknya ke dalam akaun semasa dan tetap CIMB yang juga miliknya dalam dua transaksi.

Pada prosiding semalam, mahkamah turut mengurangkan jumlah jaminan Moham-

“Disebabkan terdapat kes yang telah DNA (dilepaskan tanpa dibebaskan) maka jumlah saksi yang akan memberi keterangan akan berkurangan.”

kan jumlah jaminan Mohammad Lan daripada RM400,000 kepada RM300,000. Bagaimanapun, syarat-syarat tambahan lain seperti perlu melapor diri kepada pinak berkuasa sebulan sekali masih lagi berkutu kuasa.

Sementara itu, bagi 20 lagi pertuduhan membabitkan rasuah, Allan memberitahu mahkamah pihaknya memerlukan lebih masa untuk mengemaskini senarai saksi.

“Disebabkan terdapat kes yang telah DNA (dilepaskan tanpa dibebaskan) maka jumlah saksi yang akan memberi keterangan akan berkurangan. Kami perlukan masa untuk menyenaraikan semula saksi yang akan memberi keterangan,” katanya.

Suzana membenarkan permohonan tersebut dan kemudian melapangkan tarikh perbicaraan yang sepatutnya bermula 24 Januari ini. Perbicaraan akan bermula 23 Mei ini.

UTUSAN MALAYSIA/14 JANUARI 2022/M.S: 3

KDN akan lakukan terbaik atasi aset usang

PUTRAJAYA: Usaha bagi menggantikan aset usang Agensi Pengurusan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) sudah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin berkata, beliau memberi jaminan bahawa isu itu akan diatasi dari semasa ke semasa tanpa berkompromi soal pematuhan undang-undang di Zon Maritim Malaysia yang kini berada pada tahap 99.45 peratus.

"Insya-Allah kita akan lakukan terbaik," katanya dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Perhimpunan Bulanan KDN dan Amanat Tahun Baru 2022, di sini semalam.

Muka depan *Utusan Malaysia* semalam melaporkan hampir 60 peratus aset dimiliki Maritim Malaysia usang sehingga mengganggu keberkesanannya operasi pasukan tersebut dalam menjaga keselamatan perairan negara.

Perkara itu disahkan Ketua Pengaruhnya, Laksamana Maritim Datuk Mohd. Zubil Mat Som.



KEMENTERIAN Dalam Negeri memberi jaminan akan mengatasi masalah aset Maritim Malaysia yang usang.

Menurutnya, keadaan aset-aset lama yang terhad itu turut memerlukan kos penyelenggaraan tinggi kerana faktor usia yang kebanyakannya antara 25 hingga 40 tahun.

Dalam pada itu, Hamzah dalam ucapannya berkata, Ops Naga yang dilaksanakan Maritim

Malaysia berjaya melakukan 445 tangkapan melibatkan 254 buah bot nelayan asing dengan nilai rampasan RM476.5 juta.

Katanya, kejayaan ini dicapai dengan pertambahan enam buah kapal ronda generasi baharu oleh Maritim Malaysia sekali gus membantu memperkuat KD

Amanahkawalan keselamatan maritim negara.

Maritim Malaysia sebelum ini melaporkan menerima enam buah kapal New Generation Patrol Craft (NGPC) melibatkan jumlah kos hampir RM400 juta bagi memperkasakan pengoperasiannya di perairan negara.

UTUSAN MALAYSIA/14 JANUARI 2022/M.S: 6

1MDB: KPMG bayar RM340.92 juta

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan menerima penyelesaian berjumlah RM340.92 juta (USD80 juta) daripada KPMG yang telah disalurkan ke dalam Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset Malaysia (Malaysia's Assets Recovery Trust Account) melibatkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Kementerian Kewangan (MOF) dalam satu kenyataan memaklumkan, penyelesaian itu adalah susulan daripada pengumuman pada 16 September 2021 di mana KPMG bersetuju untuk menyelesaikan saman sivil yang difaikkan 1MDB terhadap firma perakaunan itu.

Setakat ini, Akaun Amanah dibawah seliaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah menerima sejumlah RM19.138 bilion berhubung skandal kewangan 1MDB dan akan digunakan untuk menyelesaikan hutang tertunggak 1MDB.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, sehingga kini, kerajaan telah membayar balik RM13.3 bilion hutang 1MDB.

Pada 31 Disember 2021, katanya, hutang terkumpul 1MDB yang terdiri daripada prinsipal dan kupon atau keuntungan untuk bon dan Sukuk adalah berjumlah RM38.81 bilion.

September tahun lalu, media melaporkan MOF mengumumkan bahawa KPMG bersetuju dengan penyelesaian bernilai



**Akaun Amanah
di bawah seliaan
Jabatan Akauntan
Negara Malaysia
telah menerima
sejumlah RM19.138
bilion berhubung
skandal
kewangan 1MDB."**

RM333 juta (AS\$80 juta) bagi memenuhi semua tuntutan yang berkaitan dengan tanggungjawab fidusiai mereka dalam pengaudit akaun 1MDB untuk tempoh 2010 hingga 2012.

Penyelesaian dengan KPMG, bernilai lebih daripada 800 kali ganda fi audit yang diperoleh KPMG, adalah salah satu penyelesaian berkaitan 1MDB yang terbesar oleh sebuah firma audit di Asia Tenggara.

Sijil vaksinasi banyak kelemahan

Oleh HAFIZ YUSOFF BAKRI
hafizyusoff@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Sistem verifikasi sijil vaksinasi di negara ini perlu dikawal selia Kementerian Kesihatan dengan dihubungkan secara terus kepada pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta.

Bekas Menteri Kesihatan Dr. Lee Boon Chye berkata, penggunaan sistem itu juga perlu dilaksana dengan kerjasama negara luar bagi memudahkan pemanfaatan keluar masuk.

Katanya, penggunaan sistem baharu penting ekoran banyak kelemahan pada sijil vaksinasi sama ada fizikal atau menerusi aplikasi MySejahtera.

"Sepatutnya apabila manajer pihak tertili sijil vaksinasi, mereka boleh kesan ia sahif atau sebaliknya. Sebab itu perlu ada satu sistem verifikasi. Sebagai contoh, apabila saya terima sijil vaksinasi dan mahu sahkan, Kementerian Kesihatan perlu ada sistem yang boleh menentukan



SALAH seorang penduduk di Kuala Terengganu menerima suntikan dos penggalak vaksin Covid-19 di Dewan Serbaguna PPR Hiliran, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRY

ketulenan sijil berkenaan.

"Malah, kalau individu tersebut

but mahu mengerjakan umrah sekalipun, sijil mereka boleh

ditentukan kesahihannya oleh agensi terlibat sama ada Jabatan Imigresen atau syarikat yang menguruskan mereka. Begitu juga jika seseorang mahu ke luar negara," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau mengulas laporan media berkenaan kegiatan penjualan sijil vaksinasi Covid-19 dipercaiyai palsu selepas penahanan seorang doktor sebuah klinik swasta dalam satu serbuhan di Marang Sabtu lalu.

Setiap sijil berkenaan dipercaiyai dijual antara RM400 hingga RM600 berbanding harga sebenar suntikan iaitu RM300.

Dalam pada itu, Boon Chye berkata, Kementerian Kesihatan boleh menjadikan contoh sistem yang diguna pakai Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mampu mengesan kenderaan yang dikenakan kompaun oleh salah satu agensi terbabit.

"Kita ambil contoh seba-

gaimana sistem saman yang boleh dihubungkan antara agensi seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang boleh dikehaskan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Sistem sebegini yang sepatautnya Kementerian Kesihatan gunakan," ujarnya.

Dalam pada itu pensyarah yang juga pakar dalam bidang Teknologi Maklumat Dr. Shafiza Mohd. Shariff berkata, adalah wajar kerajaan memasukkan segala data dan maklumat berhubung sijil vaksinasi dalam kad pengenalan bagi rakyat di negara ini atau pasport bagi rakyat negara asing.

Jelasnya, langkah tersebut membuatkan sijil pengesahan vaksinasi sangat sukar untuk disalah guna atau dipalsukan.

"Sekarang ini semua gunakan kaedah digital. Jadi mengapa tidak maklumat vaksinasi dimasukkan dalam kad pengenalan. Bukanakah ia lebih mudah dan selamat," katanya.

Pembantu Perawatan Kesihatan didakwa salah guna kuasa

SEREMBAN: Seorang Pembantu Perawatan Klinik Kesihatan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menyalahguna kuasa dengan menulis resit rasmi kerajaan melebihi jumlah wang awam yang sepatutnya, tiga tahun lalu.

Tertuduh, G. Panjjawaran, 42, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Rushan Lutfi Mohamed.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai penjawat awam iaitu Pembantu Perawatan Kesihatan telah menggunakan jawatannya untuk suapan wang tunai dengan terlibat dalam urusan perenerimaan wang awam oleh orang awam.

Tertuduh yang bertugas sebagai penjawat awam sejak tahun 2004 melakukan kesalahan itu dengan menulis resit rasmi kerajaan melebihi jumlah wang awam yang sepatutnya dibayar kepada Klinik Kesihatan Lukut di Port Dickson pada 14 Mei 2019.

Sehubungan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan kesalahan itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 atau mengikut mana-mana yang lebih tinggi. Terdahulu, pihak pendakwaan yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya SPM, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali menawarkan jaminan sebanyak RM10,000 ke atas pertuduhan tersebut.

Utusan Malaysia | 21 Januari 2022 | Pg 12

Palsukan dokumen: 4 lelaki RM13.7j direman

SHAH ALAM: Mahkamah Majistret di sini membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman empat lelaki yang didakwa mengemukakan permohonan dan laporan berka-la program mengandungi butir matan palsu bagi memperoleh geran daripada sebuah agensi kerajaan berjumlah RM13.7 juta.

Perintah reman empat hari bermula hari ini dikeluarkan Majistret Nur Faizah Abdul Sani bagi membolehkan siasatan di-jalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM.

Terdahulu kesemua suspek berusia lingkungan 41 hingga 66 tahun tiba di mahkamah kira-kira pukul 10 pagi dengan diiringi pegawai SPRM.

Sementara itu, menurut sum-ber, kesemua suspek ditahan SPRM Selangor ketika menghadiri pemeriksaan secara berpe-



MAHKAMAH Majistret Shah Alam, Selangor membenarkan permohonan SPRM bagi menahan reman empat lelaki untuk membantu siasatan mengemukakan permohonan palsu bagi memperolehi geran agensi kerajaan berjumlah RM13.7 juta. - UTUSAN/NORHAYATI YAHAYA

ringkat mulai pukul 6.45 petang sehingga 11 malam semalam.

"Empat suspek berusia ling-kungan 41 hingga 66 tahun telah ditahan reman empat hari sehingga 24 Januari ini.

"Mereka ditahan reman bagi membantu siasatan SPRM Selan-gor berhubung aduan mengemukakan permohonan dan laporan berka-la program yang mengandungi butir matan palsu bagi

memperoleh geran daripada se-buah agensi kerajaan sedangkan program tersebut tidak dilaksanakan sepenuhnya. Kejadian didakwa berlaku antara tahun 2019 hingga tahun ini," katanya.

Utusan Malaysia | 21 Januari
2022 | Pg 12



BEKAS pembantu penguat kuasa sebuah agensi kerajaan ditahan reman SPRM di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur.

Bekas pembantu penguat kuasa ditahan

PUTRAJAYA: Menerima ransuh kira-kira RM20,000 setiap bulan untuk tempoh selama 20 bulan sejak Julai 2019 sebagai dorongan meluluskan tender kontrak sebuah syarikat pembersihan di Kedah yang dianggarkan bernilai RM3.1 juta.

Itu kesalahan dipercaiyai dilakukan bekas pembantu penguat kuasa dari sebuah agensi kerajaan yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Penahanan itu bertujuan membantu siasatan berhubung kes mengemukakan penyata akaun bank syarikat yang mengandungi butiran palsu.

Menurut sumber, permohonan reman selama tujuh hari bermula semalam sehingga 27 Januari depan itu dibenarkan oleh Majistret Mohamad Farid Lateef selepas SPRM membuat permohonan di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur hari ini.

Katanya, suspek lelaki berusia 35 tahun tersebut ditahan kira-kira pukul 10.30 pagi semalam di Pejabat SPRM Kuala Lumpur ketika hadir memberi keterangan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd. Manap ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu.

UTUSAN MALAYSIA/27 JANUARI 2022/M.S: 8

Broker beli kapal tempur TLDM diberkas SPRM

PUTRAJAYA: Seorang broker ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung kes mengemukakan dokumen mengandungi butiran palsu kepada sebuah syarikat perkapalan melalui tiga syarikat.

Difahamkan, suspek diperlakukan mengemukakan dokumen mengandungi butiran palsu kepada sebuah syarikat perkapalan melalui tiga syarikat.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia 62 tahun tersebut ditahan pukul 9.30 malam kelmarin di Ibu

sir Pantai (LCS).

Permohonan reman lima hari bermula semalam sehingga 30 Januari depan dibenarkan Majistret Shah Wira Abdul Halim di Mahkamah Majistret Putrajaya semalam.

Pejabat SPRM Putrajaya ketika hadir memberi keterangan.

Perihal ini, SPRM menerima aduan berhubung projek pembinaan enam kapal itu oleh Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS).

Laporan kepada SPRM adalah bagi membuat siasatan ke atas pelaksanaan projek tersebut susulan kegagalan pihak ber-

Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Sebelum ini, SPRM menerima aduan berhubung projek pembinaan enam kapal itu oleh Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS). Mengikut kontrak asal yang ditandatangani pada 2014, LCS pertama sepatutnya diterima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pada April 2019 dan bayaran sebanyak RM6 bilion juga telah dibuat.

kenaan menyerahkan kapal itu mengikut tempoh ditetapkan.

Mengikut kontrak asal yang ditandatangani pada 2014, LCS pertama sepatutnya diterima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pada April 2019 dan bayaran sebanyak RM6 bilion juga telah dibuat.